

RAFIDAH BIDAS SPEKULASI ASN

KUALA LUMPUR, Jumaat — Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Hajah Rafidah Aziz hari ini membidas setengah golongan kaum Bumiputera yang bersikap 'spekulasi' dengan menjual kembali saham Amanah Saham Nasional (ASN) dengan cepat.

Katanya, saham tersebut perlu dikekalkan sebagai satu pelaburan jangka panjang.

"Jika pelaburan tersebut dikekalkan oleh Bumiputera itu sendiri, saham tersebut bukan sahaja berkembang dan meningkat nilainya tapi menjadi punca modal generasi Bumiputera akan datang.

"Malah pelaburan tersebut dapat menjamin satu modal Bumiputera di masa depan," tegasnya di majlis penyampaian buku pelaburan ASN kepada 10 orang mewakili 511 pekerja Syarikat RCA di

Hulu Kelang, dekat sini, hari ini.

Menurutnya, skim ASN mempunyai dua tujuan iaitu menggembelengkan tabungan Bumiputera ke dalam pelaburan yang produktif dan membolehkan kaum Bumiputera ditingkatkan tahap pemegangan ekuiti dalam sektor perdagangan dan perniagaan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Sehingga akhir Ogos, 416,226 kakitangan dan

pekerja melabur dalam skim tersebut, katanya.

Bagaimanapun, dari jumlah tersebut, hanya 35,700 orang sahaja menyertainya melalui skim potongan gaji dan 11,300 pula dari sektor swasta, tambahnya.

Sementara itu, Pengurus Besar ASN, Encik Muhamad Salleh Majid memberitahu, sehingga Ogos ini, 963,000 telah melabur dalam ASN dan dengan hasil kutipan \$569 juta.

Bahan asal dari Arkib